

# Ajaran Arqam harus dibanteras

BH 18 JUN 1994

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan berusaha menyedarkan umat Islam di negara ini mengenai bahaya pergerakan dakwah Darul Arqam pimpinan Ashaari Muhammad yang menyelweg dari ajaran Islam kerana menyamakan pemimpin mereka dengan Imam Mahdi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ajaran Darul Arqam itu harus dibanteras dan dihalang kerana ia boleh mengancam keselamatan negara.

"Bila sesebuah pertubuhan berasaskan kepada fahaman fanatik dan pemujaan peribadi menjadi semakin besar dan pemimpinnya berasa gagah serta kuat, mereka mempunyai niat tertentu.

"Sekarang ini Arqam (pemimpin mereka) menyatakan keinginan untuk menjadi pemimpin negara.

"Sedikit sebanyak Arqam adalah satu ancaman tetapi yang lebih penting ialah sebelum ia menjadi terlalu besar dan sukar dihalang lebih baik tindakan diambil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam Sedunia 1994, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pendedahan Ketua Pengerah Pusat Islam, Zainal Abidin Abdul Kadir, baru-baru ini yang berkata, Darul Arqam kini menyediakan 313 tentera Badar yang mencerminkan pendekatan kumpulan itu ke arah perjuangan yang lebih militan.

Jurucakap kumpulan itu bagaimanapun menafikan kenyataan Zainal Abidin dan meminta Pusat Islam mengadakan dialog bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Dr Mahathir yakin Pusat Islam ada asas kukuh berhubung kenyataan itu dan tidak yakin masalah itu boleh diselesaikan menerusi dialog melainkan mendedahkan penyelewengan Darul Arqam.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan memberi pendidikan mengenai penyelewengan dan bahaya ajaran Darul Arqam itu.

"Kita perlu bertindak dengan berkesan. Kita perlu mendapat sokongan rakyat. Kalau tidak dijelaskan bahaya Darul Arqam mungkin rakyat akan

memikirkan kita menindas gerakan Islam sedangkan ia bukan gerakan Islam," katanya.

Mengenai tindakan Ashaari yang menghabiskan masa di luar negara, Dr Mahathir berkata pemimpin pertubuhan itu berusaha mencari sokongan pihak yang tidak tahu ajaran Arqam sebenarnya.